



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 3 SEPTEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI MAHU PASTIKAN PASARAN AYAM TEMPATAN MENCUKUPI SEBELUM DIEKSPORT, HM -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	FAMA SASAR JTDL RAIH NILAI JUALAN RM11 JUTA, MELAKA HARI INI -ONLINE	
3.	WAKIL RAKYAT ANJUR PROGRAM JUALAN MURAH, RINGAN BEBAN BELANJA PENDUDUK, SELANGOR KINI -ONLINE	
4.	FAMA YAKIN MAMPU CAPAI SASARAN RM11 JUTA JUALAN JTDL TAHUN INI, BERNAMA -ONLINE	
5.	STATE REP ORGANISES AFFORDABLE SALES PROGRAMME TO ALLEVIATE RESIDENTS BURDEN, SELANGOR JOURNAL -ONLINE	
6.	FAMA OPTIMISTIC OF ACHIEVING RM11 MLN SALES TARGET THROUGH JTDL, BERNAMA -ONLINE	
7.	MAFI, FAMA KOMITED PERHEBAT JMKM DI SELURUH NEGARA, BERNAMA -ONLINE	
8.	AYAM SERENDAH RM4 DI KARNIVAL SEKURITI MAKANAN PERAK ESOK, SH -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/9/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

MAFI mahu pastikan pasaran ayam tempatan mencukupi sebelum dieksport [METROTV]



Jasin: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) tidak terburu-buru untuk membuat keputusan membenarkan pengeksporan ayam ke luar negara walaupun bekalan bagi pasaran tempatan lebih daripada mencukupi.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, pihaknya sedang meneliti beberapa aspek sebelum kelulusan kebenaran mengeksport bekalan terbabit dikeluarkan, termasuk mahu memastikan bekalan untuk rakyat negara ini tidak terjejas.

Justeru, katanya, cadangan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi supaya pengeksporan ayam boleh dilakukan bermula Oktober ini adalah yang terbaik, namun perlu menunggu keputusan rasmi kerajaan tidak lama lagi.

"Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi sudah membuat ketetapan bahawa keputusan sama ada boleh mengeksport bekalan ayam ke luar negara atau sebaliknya adalah pada Oktober ini.

"Keputusan itu akan dibuat selepas kita dapat memastikan bekalan untuk pasaran tempatan benar-benar mencukupi," katanya selepas menyampaikan bantuan barangan perniagaan kepada usahawan tempatan di Bandar Baru Merlimau Utara di sini, hari ini.

Sebelum itu, Ahmad yang juga Ahli Parlimen Jasin merasmikan Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) peringkat negeri anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Jalan Kilang Berapi, Merlimau di sini.

Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Rambai Siti Faizah Abd Azis, Ahli Lembaga Pengarah FAMA Datuk Wira Ghazale Muhamad dan Ketua Pengarah FAMA Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, setakat ini hanya bekalan ayam kampung dibenarkan untuk dieksport ke Singapura dengan jumlah yang agak kecil.

Namun, katanya, kebenaran itu tidak menjejaskan bekalan di pasaran tempatan.

Sebelum ini, penternak ayam meminta kerajaan menarik balik sekatan pengeksporan secara berperingkat berikutan situasi lambakan ternakan itu ketika ini, sekali gus menjejaskan golongan terbabit.

Pada 1 Jun lalu, MAFI melaksanakan sekatan eksport ayam membabitkan bekalan 3.6 juta ekor sebulan, sebagai sebahagian langkah intervensi untuk mengukuhkan sekuriti bekalan makanan negara, yang bertujuan menyumbang kestabilan harga makanan.



AHMAD Hamzah (dua kiri) menyampaikan peralatan mesin kepada beberapa usahawan dalam Parlimen Jasin. FOTO Amir Mamat

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/9/2022	MELAKA HARI INI	ONLINE	

FAMA sasar JTDL raih nilai jualan RM11 juta



MERLIMAU 3 September – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menasaskan nilai jualan sebanyak RM11 juta mampu diperolehi menerusi penganjuran Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) dilaksanakan seluruh negara, tahun ini.

Ketua Pengarah FAMA Malaysia, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata, penganjuran JTDL seluruh negara menawarkan potongan lima hingga 10 peratus itu telah berjaya mengutip nilai jualan sebanyak RM7 juta setakat ini

sejak perlaksanaannya pada Julai lalu.

Menurutnya, penganjuran yang dijalankan membabitkan beberapa lokasi terpilih seluruh negara dengan sasaran 855 pengoperasiannya menawarkan pelbagai barangan yang dijual dengan kadar termurah buat pengguna.

“Menerusi JTDL kita bergabung menerusi pelbagai jabatan dan agensi terlibat seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan sebagainya untuk menjual pelbagai barangan seperti ikan, ayam, sayur-sayuran dan buah-buahan menggunakan konsep jualan secara terbuka.

“JTDL yang dilaksanakan ini merupakan antara program yang dirangka oleh kerajaan supaya rakyat mendapat bekalan pada harga lebih murah sekali gus membantu mengurangkan kos sara hidup.

“Ia juga mampu memberi manfaat kepada rakyat mendapatkan tambahan bekalan makanan yang dijual dari ladang sekali gus memberi peluang kepada 15,000 usahawan tani yang terlibat di seluruh negara,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) diadakan di sebuah kedai runcit di Jalan Kilang Berapi, di sini, hari ini.

Terdahulu, program itu dirasmikan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Dalam pada itu, Zainal Abidin berkata, FAMA komited bergabung bersama kementerian-kementerian lain bagi menjamin sekuriti makanan negara dan rakyat.

Beliau berkata, pelbagai penganjuran telah dilaksanakan menerusi kerjasama pelbagai kementerian bagi melestarikan hasrat berkenaan.

“FAMA sentiasa berusaha membantu rakyat menerusi pelbagai program dan tidak tertumpu dalam program-program sebegini (PJMKM) saja malah kita berusaha merentasi kementerian dan jabatan dalam membantu mencari bekalan tambahan di lokasi-lokasi terpilih seluruh negara.

“Malah FAMA juga terlibat dalam pengedaran barang-barang makanan untuk memastikan barang itu terus sampai kepada pengguna menerusi beberapa pengoperasian kita sepenuh masa di seluruh negara dengan penglibatan usahawan tani, agro bazar rakyat.

“Kita menggunakan dua kombinasi di mana selain program bersemuka juga perkhidmatan dalam talian menerusi vendor yang dilantik dalam e-commerce juga akan memastikan usaha ini sampai kepada pengguna dalam jaminan membantu memperkasa bekalan sekuriti makanan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/9/2022	SELANGOR KINI	ONLINE	

Wakil rakyat anjur program jualan murah, ringan beban belanja penduduk



KUALA LANGAT, 3 SEPT: Dewan Undangan Negeri (DUN) Morib menganjurkan Selangor Agro Market Jawafest 2022 bagi meringankan beban belanja penduduk dalam mendapatkan keperluan harian.

Wakil rakyatnya Hasnul Baharuddin berkata program bermula 9 pagi hingga 6 petang itu menjual barangan basah dan makanan kering seperti ayam, daging, telur, sayur dan buah-buahan pada harga lebih rendah dari pasaran.

“Harga sekilogram ayam di pasaran RM9.40 tetapi di sini kita tawarkan RM8. Begitu juga dengan daging RM35 sekilogram berbanding RM39 harga luar. Telur dijual RM12 sepapan.

“Penganjuran ini bertemakan Jawa kerana kita berhasrat memperkenalkan bangsa ini lebih meluas. Jadi selain barang basah, kita turut menjual makanan tradisi Jawa antaranya nasi ambeng dan unkep,” katanya ketika ditemui hari ini.

Hasnul berkata program dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) itu melibatkan 30 peniaga dan bakal dilangsungkan ke beberapa lokasi lain selepas ini.

“Ini merupakan penganjuran kedua selepas kali pertama dilaksanakan di Kanchong Darat bulan lepas. Kedua-dua penganjuran ini mendapat sambutan memberangsangkan.

“Kita lihat masyarakat memerlukan bantuan seperti ini. Program ini memberi manfaat besar kepada penduduk terutama ketika isu kenaikan harga barang,” katanya.



AM

Fama yakin mampu capai sasaran RM11 juta jualan JTDL tahun ini



JTDL

Jualan Terus Dari Ladang

03/09/2022 04:57 PM

ADVERTISEMENT

JASIN, 3 Sept – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) yakin mampu mencapai sasaran jualan sebanyak RM11 juta menerusi Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) hingga akhir tahun ini.

Ketua Pengarahnya Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata setakat Julai lepas, kira-kira RM7 juta jualan dicatatkan di seluruh negara membabitkan 855 lokasi terpilih dengan menawarkan lima hingga 10 peratus potongan harga barangan.

"Selain memberi manfaat kepada rakyat mendapatkan bekalan makanan yang dijual secara terus dari ladang dengan harga lebih rendah, ia juga memberi peluang kepada kira-kira 15,000 usahawan tani di bawah bimbingan FAMA menambah pendapatan.





"Menerusi JTDL ini, ia juga melibatkan gabungan pelbagai jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) selain menawarkan pelbagai barangan keperluan seperti ikan, ayam, sayur-sayuran dan buah-buahan menggunakan konsep jualan secara terbuka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) anjuran FAMA yang dirasmikan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) I Datuk Seri Ahmad Hamzah.


Zainal Abidin berkata FAMA komited bergabung bersama kementerian-kementerian lain bagi memastikan sekuriti makanan negara terjamin demi rakyat negara ini.



"FAMA sentiasa berusaha membantu rakyat menerusi pelbagai kaedah dan akan membantu jabatan lain mencari bekalan tambahan di lokasi terpilih seluruh negara untuk memastikan bekalan sentiasa mencukupi.

"FAMA juga akan memastikan barangan keperluan terus sampai kepada pengguna menerusi beberapa pengoperasian sepenuh masa seperti pasar tani dan Agrobazaar Rakyat," katanya.

—BERNAMA





Morib state assemblyman Hasnul Baharuddin (third from right) observing stalls at the Selangor Agro Market Jawafest 2022, at Dewan Orang Ramai Taman Sri Putra in Kuala Langat, on on September 3, 2022. — Picture by FIKRI YUSOF/SELANGORKINI

State rep organises affordable sales programme to alleviate residents' burden

September 3, 2022 5:10 pm

SHARE

✕

Bangsar Freehold Double Storey Only 355K !! [4K Salary Get Approved]

RM 355,000

LAST CALL!! | Lower Price!! | Only Or

RM 51

Its state assemblyman Hasnul Baharuddin said the programme, running from 9am to 6pm, sells wet items and dry foods including chicken, beef, eggs, vegetables and fruits, at lower prices than the market.



Sertai program rakan niaga XM

Tingkatkan pendapatan affiliasi anda

- Hadiah tunai tanpa had
- Komisen hingga \$25 setiap lot
- Ganjaran rakan niaga Eksklusif

XM

Daftar Sekarang

Perkhidmatan tinggi dan boleh modal yang and

"The price of a kg of chicken in the market is RM9.40, but it is sold for RM8 here. The same goes for meat at RM35 per kg compared to RM39 elsewhere, while eggs are sold at RM12 per tray.

"The event has a Javanese theme as we wish to introduce this culture on a wider scale. So alongside wet goods, we also sell traditional Javanese food such as *nasi ambeng* and *ungkep*," he said at the market in Dewan Orang Ramai Taman Sri Putra, Kuala Langat.

Hasnul added the programme, in collaboration with the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), sees the participation of 30 traders and will be held in several other locations after this.

"This is the second time the market has been held, after the first at Kanchong Darat last month. Both these events have been met with encouraging responses.

"It is clear the community requires assistance such as this. The programme is greatly beneficial to the populace, especially when concerns price increases," he said.

GENERAL

FAMA optimistic of achieving RM11 mln sales target through JTDL



03/09/2022 06:42 PM

ADVERTISEMENT



RUMAH CANTIK FULL
RENOVATED 2 Tingkat Taman
Port Dickson Ukama

RM 215,000

Single Bunga
Batu, Pasir Gudang

RM

JASIN, Sept 3 (Bernama) – The Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) is optimistic about achieving its RM11 million sales target for this year via direct sales from farms (JTDL).

Its director-general Datuk Zainal Abidin Yang Razalli said as of July, about RM7 million in sales were recorded nationwide involving 855 selected locations, offering five to 10 per cent discounts on goods.

"Besides benefiting the people to get food supplies directly from the farm at a lower price, it also allows about 15,000 entrepreneurs involved in agriculture under the guidance of FAMA to increase their income.



"The JTDL involves departments and agencies under the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) such as the Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM), selling a variety of essential goods such as fish, chicken, vegetables and fruits," he said.

He told this to reporters at the Keluarga Malaysia Cheap Sale programme (JMKM) hosted by FAMA and officiated by Deputy Agriculture and Food Industries Minister I Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Zainal Abidin said FAMA is committed to cooperating with other ministries to ensure national food security.

"FAMA strives to help the people through various methods and will help other departments find additional supplies in selected locations across the country to ensure that supplies are always sufficient," he said, adding that it will ensure that people will continue to obtain food supplies via farmer's markets and Agrobaazar Rakyat, among others.

– BERNAMA

Bernama is the trusted source of reliable real-time comprehensive and accurate news for both the public and media practitioners. Our news is published at www.bernama.com; BERNAMA TV on: Astro Channel 502, unifi TV Channel 631, MYTV Channel 121 iFLIX; and Bernama Radio broadcasting locally on FM93.9 in Klang Valley, Johor (FM107.5), Kota Kinabalu (FM107.9) and Kuching (FM100.9).

Follow us on social media :

Facebook : [@bernamaofficial](https://www.facebook.com/bernamaofficial), [@bernamatv](https://www.facebook.com/bernamatv), [@bernamaradio](https://www.facebook.com/bernamaradio)

Twitter : [@bernama.com](https://twitter.com/bernama.com), [@BernamaTV](https://twitter.com/BernamaTV), [@bernamaradio](https://twitter.com/bernamaradio)

Instagram : [@bernamaofficial](https://www.instagram.com/bernamaofficial), [@bernamatvofficial](https://www.instagram.com/bernamatvofficial), [@bernamaradioofficial](https://www.instagram.com/bernamaradioofficial)

TikTok : [@bernamaofficial](https://www.tiktok.com/@bernamaofficial)

ADVERTISEMENT



Keywords

zainal abidin yang rozalli fama mafi jdtl food security supply

Related News



MAFI, FAMA committed to hold JMKM nationwide

Apple
f (https://itunes.apple.com/gb/app/utusan-
t (https://play.google.com/store/apps/details?
(https://www.facebook.com/utusanonline/)

Halaman Utama (/) » Nasional (https://www.utusanborneo.com.my/nasional) » MAFI, FAMA komited perhebat JMKM di seluruh negara

MAFI, FAMA komited perhebat JMKM di seluruh negara

ADVERTISEMENT

© 2022-09-03T16:40:46+08:00



JASIN: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) komited untuk terus memperhebat penganjuran Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) di seluruh negara bagi memberi manfaat kepada pengguna dan usahawan bimbangannya.

ADVERTISEMENT

ADVERTISING

Timbalan Menteri I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata melalui penganjuran JMKM setakat ini, sebanyak RM176,000 penjimatan atau pulangan diperoleh rakyat dengan memberi manfaat kepada lebih 30,000 pengunjung.

"Sebanyak 22 program dilaksanakan bermula 20 hingga 28 Ogos lepas membabitkan nilai jualan terkumpul sebanyak RM893,000 melalui program yang turut menawarkan penjimatan sehingga 20 peratus itu.

"Ini sekali gus dapat menyokong usaha kerajaan Persekutuan dalam mengimbangi kadar inflasi khususnya mengawal kenaikan harga barang dengan lebih efisien dan berkesan di samping membantu mengurangkan beban belanja terutama golongan berpendapatan rendah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Program JMKM peringkat negeri Melaka anjuran FAMA yang turut dihadiri Ketua Pengarah FAMA Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

ADVERTISEMENT

Pada program itu juga, 100 pembeli terawal berpeluang mendapatkan tawaran kombo barangan keperluan seperti gula, tepung minyak masak dua kilogram (2kg) dan beras 5kg berharga RM20 berbanding harga biasa RM33.40.

Ahmad berkata MAFI yang terlibat secara langsung dalam Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi turut bertanggungjawab menyelaras program JMKM di tiga negeri iaitu di Sabah melibatkan Lembaga Pertubuhan Peladang di 73 Dewan Undangan Negeri (DUN), Kelantan (45 DUN oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia) dan Melaka (28 DUN di bawah FAMA).

Sementara itu, seorang pengunjung, Mohd Isa Mohd Din, 66, dari Kampung Sempang Pantai berkata dia amat berharap program seumpama itu diteruskan pada masa akan datang.

"Saya yang hanya kebetulan melalui kedai ini tidak menyangka dapat membeli kesemua barangan dengan harga yang sangat murah dan ia sememangnya amat membantu golongan seperti kami," katanya.

Rozita Bakar, 57, dari Merlimau Pantai berkata dia mengetahui program JMKM melalui hantaran mesej daripada rakan-rakan melalui aplikasi WhatsApp dan tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan barangan dengan harga lebih murah daripada pasaran.

ADVERTISEMENT

"Bagi golongan B40 macam saya, rasa bersyukur sangat dengan adanya program ini kerana ia sedikit sebanyak mengurangkan beban belanja bulanan kami," katanya. - BERNAMA

ADVERTISEMENT

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/9/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

Ayam serendah RM4 di Karnival Sekuriti Makanan Perak esok



Karnival Sekuriti Makanan@Perak Sejahtera 2030 berlangsung selama dua hari bermula Ahad ini di Dewan Millenium, Lubok Merbau, Kuala Kangsar.

IPOH - Penduduk Perak boleh menikmati harga barangan basah seperti ayam, telur dan ikan dengan murah sempena Karnival Sekuriti Makanan@Perak Sejahtera 2030 di Dewan Millenium, Lubok Merbau, Kuala Kangsar.

Karnival yang berlangsung selama dua hari bermula Ahad itu melibatkan jualan seperti ayam dengan harga serendah RM4 seekor, telur ayam gred B berharga RM10 sepapan serta ikan tilapia RM10 sekilogram.

Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) dalam satu kenyataan memaklumkan, jualan itu antara daya penarik utama yang ditawarkan kepada pengunjung untuk mendapatkan barangan tersebut dengan harga berpatutan.

Menurutnya, karnival dengan kerjasama Pejabat Menteri Besar Perak dan Jabatan Pertanian Negeri Perak itu bagi memberi peluang kepada penduduk negeri ini mendapatkan barangan keperluan harian berasaskan produk industri asas tani (IAT), makanan dan hiliran dengan harga rendah serta diskaun tinggi berbanding di pasaran.

"Jualan murah ini termasuklah anak-anak pokok buah-buahan, sayur-sayuran daripada Jabatan Pertanian, ikan cue dan pelbagai jenis ikan segar oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan produk IAT berasaskan daging oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

"Turut dijual nanas dan produk IAT oleh Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia serta jualan makanan 'food truck' disediakan Sekretariat Usahawan Negeri Perak," katanya.

Selain aktiviti jualan, pameran pertanian serta pembukaan kaunter khidmat pelanggan daripada pelbagai agensi turut disediakan termasuklah Perbadanan Menteri Besar (MB Inc), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Institut Darul Ridzuan (IDR).

Jabatan Pertanian Negeri Perak turut mengadakan program 'hand's on' melibatkan kursus 'DIY Vertical Farming System' serta 'Home Made Plant Booster' yang memberi peluang kepada orang ramai untuk mengetahui secara lebih dekat berkenaan perkara tersebut sepanjang program berlangsung.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad dijadualkan hadir dan menyempurnakan pelancaran Hala Tuju Pelan Tindakan Sekuriti Makanan Negeri Perak yang memfokuskan kepada perincian khusus berkaitan agenda sekuriti makanan.